

17/09/1998

Anwar disaran bersihkan imej diri

KUALA LUMPUR, Rabu - Beberapa lagi pemimpin kanan Umno hari ini berpendapat Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu membersihkan dahulu imejnya yang dikaitkan dengan skandal seks, sebelum melakukan gerakan reformasi.

Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata Anwar perlu menghentikan segera cadangan mengadakan kempen reformasi ke seluruh negara kerana yang penting membersihkan dirinya daripada tuduhan berkaitan soal moral.

"Daripada melakukan gerakan reformasi, adalah lebih baik Anwar membersihkan dirinya dengan membuat pengakuan terbuka terhadap tuduhan yang dihadapinya supaya boleh diterima rakyat," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu hari ini.

Wan Mokhtar Ahmad, berkata gerakan reformasi yang hendak dilakukan Anwar hanya membebaskan diri, tenaga dan wang. Sebaliknya, beliau meminta Anwar bertenang dan sabar menghadapi ujian itu kerana Allah akan bersama orang yang sabar.

"Anwar hendaklah lebih banyak bertenang menghadapi cabaran itu dan memberi tumpuan terhadap perpaduan di kalangan rakyat," katanya.

Naib Presiden Umno, Datuk Najib Tun Razak, pula berkata Anwar sepatutnya memberi tumpuan untuk membela dirinya, bukan menyerang orang lain seperti mendakwa polis bertindak seperti ejen perisikan Israel, Mossad.

Menurutnya, Anwar tidak wajar membuat dakwaan itu melainkan mempunyai bukti yang jelas mengenainya.

"Anwar tidak boleh berburuk sangka dengan polis dan sistem negara ini kecuali terbukti memang ada penyelewengan berlaku.

"Kita yakin polis bersikap profesional dan menjalankan tugas mereka dengan tegas serta tidak memihak kepada sesiapa kecuali untuk menentukan kebenaran," katanya.

Di MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, berkata Anwar sepatutnya bersabar serta menerima hakikat pemecatannya daripada jawatan kerajaan dan parti dengan baik.

"Pemimpin mesti mengawal hal peribadi masing-masing kerana ia akan dikaitkan dengan parti dan jika terus dipersoalkan, rakyat akan hilang keyakinan terhadap parti dan kerajaan.

"Kita mahu bukan sahaja pemimpin yang bersih tetapi juga dilihat bersih," katanya selepas melancarkan buletin Sinar Kota Umno bahagian Kota Melaka di Ayer Keroh.

Di IPOH, Ketua Penerangan Umno negeri, Datuk Ramly Zahari, semua pihak perlu faham bahawa pemimpin perlu bersih serta dilihat bersih dan tindakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke atas Anwar adalah berhubung soal disiplin.

"Oleh itu, ahli parti tidak perlu mempunyai sentimen negatif, sebaliknya bertawakal dan bersatu demi memantapkan Umno agar terus dihormati parti komponen Barisan Nasional dan negara luar," katanya.

(END)